

Nama Tingkatan

Sekolah

MODUL PINTAS 2019 TINGKATAN 5

3766/1

PERNIAGAAN

Kertas 1

Ogos/September

$1\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

- 1 Apakah kepentingan keuntungan kepada perniagaan?
- A Mengembangkan perniagaan
B Meningkatkan pembayaran cukai
C Membolehkan barang dijual di bawah harga kos
D Memastikan pelaksanaan tanggungjawab sosial
- 2 Antara yang berikut, yang manakah ciri-ciri perkongsian liabiliti terhad (PLT)?
- A Pemilik dan perniagaan adalah entiti yang berbeza
B Terdapat seorang pekongsi yang menanggung liabiliti tidak terhad
C Menggabungkan ciri-ciri perkongsian dengan syarikat awam berhad
D Perkongsian mudah terbubar sekiranya salah seorang pekongsi muflis
- 3 Gambar 1 menunjukkan suatu bentuk pemilikan perniagaan.



Gambar 1

Mengapakah bentuk pemilikan tersebut menjadi pilihan untuk ditubuhkan?

- I Mudah berkongsi kepakaran
II Mudah diuruskan
III Bebas cukai rendah
IV Pemilik menanggung liabiliti terhad
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 4 Gambar 2 menunjukkan dua jenis pemilikan perniagaan.



Perniagaan A



Perniagaan B

Gambar 2

Pernyataan manakah menunjukkan perbezaan Perniagaan A dan Perniagaan B?

	Perniagaan A	Perniagaan B
A	Pemilik menanggung liabiliti terhad setakat modal yang dilaburkan	Ahli koperasi menanggung liabiliti tidak terhad
B	Perlu membayar cukai syarikat	Dikecualikan daripada cukai perniagaan
C	Hal ehwal syarikat perlu dihebahkan kepada orang ramai	Hal ehwal koperasi tidak perlu dihebahkan kepada orang ramai
D	Syer bebas dipindah milik	Syer tidak boleh dipindah milik

- 5 Apakah kelebihan perniagaan francais kepada francaisi?

- A Bebas merancang strategi pemasaran
- B Pengurusan premis dilakukan sendiri
- C Jaringan perniagaan lebih luas
- D Perniagaan berkembang secara global

- 6 Maklumat berikut berkaitan sebuah perniagaan.

UEK Builders Sendirian Berhad adalah sebuah syarikat pembinaan yang mempunyai seramai 110 orang pekerja tetap dengan nilai jualan tahunan adalah RM30 juta. Syarikat ini terlibat dalam bidang pembinaan infrastruktur, kejuruteraan dan seni bina.


Apakah saiz dan sektor perniagaan tersebut?

	Saiz	Sektor
A	Besar	Tertier
B	Sederhana	Tertier
C	Besar	Sekunder
D	Sederhana	Sekunder

- 7 Antara yang berikut, yang manakah perniagaan berskala global?

- I Petronas Carigali Sendirian Berhad
 - II Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
 - III Beras Nasional (BERNAS)
 - IV Gardenia Bakeries Sendirian Berhad
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 8 Gambar 3 menunjukkan sektor utama di Malaysia.



Gambar 3

Apakah aktiviti sektor utama di Malaysia?


- A Pengeluaran barang terus kepada pengguna
- B Pemprosesan bahan mentah menjadi barang siap
- C Pembuatan barang separuh siap kepada barang siap
- D Penerokaan sumber bahan mentah daripada alam semula jadi

- 9 Maklumat berikut menerangkan sejenis pengangguran.

Pengangguran yang berlaku akibat perubahan dalam industri secara keseluruhan yang tidak memerlukan kemahiran pekerja.

Apakah jenis pengangguran tersebut?

- A Pengangguran bermusim
 - B Pengangguran kitaran
 - C Pengangguran struktur
 - D Pengangguran teknologi
- 10 Carta 1 menunjukkan hasil jualan tahunan Kedai Peralatan Elektrik Hon Sing dari tahun 2014 - 2018.



Carta 1

Antara yang berikut, faktor dalaman manakah yang mempengaruhi situasi tersebut?

- I Pendekatan jualan yang terhad
 - II Kepantasan perkembangan teknologi
 - III Keadaan politik negara yang tidak stabil
 - IV Sumber manusia yang kurang produktif
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

11 Apakah kelebihan menggunakan sumber manusia dalaman bagi sesuatu jawatan kepada pekerja?

- A Mudah menyesuaikan diri melaksanakan tugas baru
- B Menjimatkan kos kenaikan pangkat sumber dalaman
- C Mengelakkan kekosongan jawatan
- D Perkongsian idea lebih terbuka

12 Pernyataan berikut berkaitan dengan campuran pemasaran.

Suraya Cookies menawarkan potongan harga sebanyak RM3.00 bagi produk biskut yang ditempah awal.

Apakah elemen campuran pemasaran terlibat?

- A Harga
- B Produk
- C Promosi
- D Pengedaran

13 Apakah tindakan susulan yang perlu dilakukan oleh sebuah perniagaan apabila produknya mendapat saingan sengit daripada barang import?

- A Menjenamakan semula
- B Mempergiatkan promosi
- C Mengeluarkan produk baru
- D Memberhentikan pengeluaran produk

14 Mengapa pertubuhan suka rela perlu merancang visi, misi dan objektif yang tepat dengan tujuan penubuhannya?

- A Memaksimumkan keuntungan
- B Memenuhi kehendak masyarakat
- C Menarik lebih ramai ahli yang aktif
- D Mendapatkan pinjaman daripada pelbagai pihak

15 Manakah antara berikut merupakan ciri objektif bagi sebuah perniagaan?

- A Analitik
- B Spesifik
- C Relevan
- D Untung

16 Kegagalan mencapai objektif perniagaan boleh menjaskan imej perniagaan. Apakah kesannya kepada perniagaan?

- A Target jualan tidak tercapai
- B Sukar mendapat pembiayaan
- C Kegagalan dalam mendapat keuntungan
- D Perniagaan tidak mampu bersaing dalam pasaran


17 Pernyataan berikut berkaitan dengan Enak Frozen Food.

Enak Frozen Food bercadang meningkatkan jualan dengan menerima tempahan secara atas talian dan membuat penghantaran ke premis pembeli.

Apakah faktor utama yang mempengaruhi perubahan strategi tersebut?

- A Mempunyai sumber kewangan bagi menampung kos berkaitan
- B Mempunyai tenaga pekerja yang mahir dan berpengalaman
- C Perniagaan dilindungi oleh undang-undang
- D Perubahan dalam teknologi

- 18** Rajah 1 menunjukkan struktur organisasi sebuah perniagaan.



Rajah 1

Mengapakah struktur organisasi dipamerkan dalam bentuk hierarki?

- A** Menunjukkan pembahagian kerja
- B** Menggambarkan spesifikasi tugas
- C** Mengagihkan pekerja mengikut kemahiran
- D** Menunjukkan hubungan antara ketua dengan pekerja

- 19** Antara yang berikut, yang manakah peranan bahagian fungsian pengurusan sumber manusia?

- I Menjaga kebijakan pekerja
- II Menyediakan dokumen syarikat
- III Menjawab pertanyaan pelanggan
- IV Menyediakan latihan dan pembangunan

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

- 20** Maklumat berikut berkaitan dengan bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan.

Fungsian X	Menerima pesanan daripada pelanggan
Fungsian Y	Menyenaraikan sumber bahan mentah yang diperlukan

Antara yang berikut, bahagian fungsian manakah yang terlibat?

- I Jualan
- II Pemasaran
- III Pembelian
- IV Pengeluaran

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

21 Antara yang berikut, yang manakah peranan pengurusan sumber manusia?

- I Merangka strategi perniagaan
 - II Merancang keperluan sumber manusia
 - III Menyediakan latihan peningkatan kemahiran
 - IV Memantau pelaksanaan standard prosedur operasi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

22 Pernyataan berikut berkaitan dengan Puan Baizura, seorang pembantu peribadi kepada CEO syarikat.

Puan Baizura telah menggunakan komputer syarikat bertujuan untuk bermula atas talian tanpa mendapat kelulusan dan kebenaran pihak pengurusan syarikat.


Apakah jenis kesalahan yang dilakukan oleh Puan Baizura?

- A Salah guna aset syarikat
- B Menjejasikan imej syarikat
- C Tidak hadir bertugas tanpa alasan
- D Ingkar arahan tanpa sebab kukuh

23 Antara yang berikut, manakah fungsi sistem penggajian yang kompetitif kepada pekerja?

- I Menaikkan imej perniagaan
 - II Mewujudkan kesetiaan
 - III Meningkatkan motivasi
 - IV Mengurangkan tekanan kerja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

24 Gambar 4 berikut berkaitan dengan sumber teknologi.



Gambar 4

Apakah sumber teknologi tersebut?

- A Lesen perisian
- B Harta intelek
- C Reka cipta
- D Kemahiran dan pengalaman

25 Gambar 5 berikut berkaitan dengan karya filem.



Gambar 5

Apakah perlindungan yang layak diterima oleh karya filem tersebut?

- A Paten
- B Lesen perisian
- C Cap dagangan
- D Hak cipta terpelihara

26 Antara berikut, yang manakah kesan sumber teknologi yang diuruskan dengan cekap?

- I Sumber teknologi tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab
 - II Kecekapan sumber teknologi meningkatkan kuantiti produk
 - III Sumber teknologi digunakan secara maksimum
 - IV Peruntukan perundangan sumber teknologi diurus sewajarnya
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

27 Manakah antara berikut merupakan sumber pembiayaan luaran?

- A Keuntungan perniagaan
- B Simpanan sendiri
- C Sahabat handai
- D Pinjaman bank


28 Situasi berikut berkaitan sebuah syarikat yang memerlukan sumber pembiayaan.

Syarikat Pembinaan Bersatu memerlukan pembiayaan segera untuk membayar pembekal bahan binaan. Pada masa yang sama, syarikat juga memerlukan sebuah kren dan sebuah jentolak bagi kerja-kerja pembinaan dalam tempoh tiga bulan.

Manakah antara yang berikut merupakan jenis pembiayaan luaran yang sesuai dipilih?

- I Pajakan
 - II Overdraf bank
 - III Simpanan peribadi
 - IV Modal daripada keuntungan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 29 Rajah 2 menunjukkan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan daripada bank.



Rajah 2

Apakah X?

- A Mengemukakan permohonan
- B Menandatangani perjanjian
- C Mengeluarkan pinjaman
- D Menilai pembiayaan

- 30 Antara yang berikut, butiran manakah yang terdapat dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi?

- I Kos belian
- II Aset semasa
- III Ekuiti pemilik
- IV Jualan bersih

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31 Pernyataan berikut berkaitan kegunaan penyata kewangan kepada suatu pihak.

Untuk menilai prestasi perniagaan serta membuat pertimbangan untuk pemberian ganjaran seperti bonus dan dividen.

Siapakah pihak yang dimaksudkan?

- A Pihak pengurusan
- B Pemegang saham
- C Pembekal
- D Pelabur

32 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis nisbah asas bagi Syarikat Eminent Star Sendirian Berhad.

Jenis Nisbah	2017	2018
Nisbah semasa	10:1	12:1

Pernyataan yang manakah tepat menerangkan maklumat tersebut?

- A Kecekapan perniagaan menggunakan aset untuk menjana jualan semakin baik
- B Kecekapan syarikat mengurus operasi perniagaan semakin baik
- C Keupayaan syarikat membayar hutang jangka pendek lebih baik
- D Keupayaan syarikat mengurus aset semasa lebih baik

33 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri keperibadian usahawan.

Encik Farhan pernah gagal dalam perniagaan lamanya sehingga terpaksa menjual hampir kesemua aset untuk menampung hutang. Kini beliau telah memulakan perniagaan baharu dan menghabiskan masa sehingga 12 jam sehari menguruskan perniagaannya.

Antara yang berikut, ciri manakah yang ada pada Encik Farhan?

- I Tabah
- II Berdikari
- III Bertoleransi
- IV Komitmen yang tinggi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Antara yang berikut, lokasi manakah yang sesuai bagi sebuah perniagaan restoran?

- I Mudah dikunjungi
 - II Tempat tumpuan ramai
 - III Berdekatan dengan pesaing
 - IV Mengenakan sewa yang murah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

35 Maklumat berikut berkaitan seorang usahawan.

Encik Ali, pemilik Syarikat Perabot Kayu Classic Sdn Bhd telah memulakan operasi sejak 5 tahun yang lalu. Beliau telah menggaji 7 orang pekerja sepenuh masa. Melalui penggunaan peralatan dan teknologi terkini, hasil perabot buatan syarikatnya adalah sangat kemas dan kukuh.

Apakah sumbangan Encik Ali kepada masyarakat?

- I Membekalkan perabot
 - II Menyediakan peluang pekerjaan
 - III Menggunakan teknologi canggih
 - IV Melaksanakan tanggungjawab sosial
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

36 Antara yang berikut, jenis perniagaan manakah tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?

- I Kedai Runcit Kayatri
 - II Syarikat Gemilang Sdn Bhd
 - III Syarikat Bulan Bintang Berhad
 - IV Salon Aini dan Aina
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

37 Mengapakah pendaftaran sesuatu perniagaan ditamatkan?

- I Pemilik muflis
 - II Atas perintah mahkamah
 - III Perniagaan berpindah alamat
 - IV Ahli lembaga pengarah bertukar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

38 Antara berikut, yang manakah merupakan dokumen rekod kos operasi?

- I Memo
 - II Bil tunai
 - III Bil utiliti
 - IV Baukar pembayaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

39 Gambar 6 menunjukkan satu kaedah promosi.



Gambar 6

Apakah kaedah tersebut?

- A Jualan langsung
- B Promosi jualan
- C Pengiklanan
- D Publisiti

- 40** Maklumat berikut berkaitan dengan rancangan kewangan sebuah perniagaan.

Restoran Mak Siti
Penyata Aliran Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2018

	Okt (RM)	Nov (RM)	Dis (RM)
Baki b/b	14 000	36 016	40 488
Penerimaan			
Modal	-	-	-
Pinjaman	25 000	-	-
Jualan	10 000	11 800	12 000
Jumlah Penerimaan	35 000	11 800	X
Pembayaran			
Pendawaian kedai	6 800	-	-
Beli mesin	-	-	19 200
Gaji, KWSP, PERKESO	3 784	3 784	3 784
Bayaran balik pinjaman	-	520	520
Bil utiliti	400	400	400
Belian bahan mentah	2 000	2 624	2 720
Jumlah Pembayaran	12 984	7 328	26 624
Lebihan / (Kurangan)	22 016	4 472	(14 624)
Baki h/b	36 016	40 488	Y

Berapakah nilai Y?

- A RM25 864
- B RM12 000
- C RM40 488
- D RM26 624

Nama Tingkatan

Sekolah

**MODUL PINTAS 2019
TINGKATAN 5**

3766/2

PERNIAGAAN

Kertas 2

Ogos/September

$2 \frac{1}{4}$ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian : Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
2. *Jawab lima soalan daripada Bahagian A, dua soalan daripada Bahagian B dan satu soalan wajib di Bahagian C.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
7. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

**3
7
6
2**

Kertas peperiksaan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

3766/2

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A

[50 markah]

Jawab lima soalan sahaja.

- 1 (a) Huraikan tujuan perniagaan bagi Organisasi Bukan Bermotifkan Untung (OBBU). [3 markah]
- (b) Gambar 1 menunjukkan perbualan antara Puan Fatin dengan Encik Ali.



Gambar 1

Jelaskan bentuk pemilikan perniagaan yang dicadangkan oleh Encik Ali. [3 markah]


- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan fabrik.

Nyonya Curtain (NC) merupakan satu empayar perniagaan fabrik dan langsir yang mempunyai cawangan di seluruh Malaysia. Kini, syarikat ini menjual pelbagai rangkaian produk seperti perabot, hiasan dalaman dan juga beg tangan.

Jelaskan klasifikasi perniagaan tersebut.

[4 markah]

- 2 (a) Jelaskan taraf perintis. [2 markah]
- (b) Apakah yang perlu dilakukan oleh peniaga apabila pasaran menjadi tepsu? [4 markah]
- (c) Rajah 1 menunjukkan sejenis analisis yang digunakan untuk menilai kesan faktor dalam dan luaran terhadap sebuah perniagaan mencuci kereta.



Rajah 1

Jelaskan faktor yang sesuai bagi menggambarkan “O” dalam analisis perniagaan tersebut. [4 markah]

- 3 (a) Jelaskan **dua** ciri objektif perniagaan yang baik. [4 markah]
- (b) Huraikan **satu** faktor dalaman yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif sesebuah perniagaan. [3 markah]
- (c) Maklumat berikut adalah berkaitan sumber penjanaan idea.

Perniagaan Kopi Warisan pengeluar serbuk kopi berjenama Warisan mengalami penurunan jualan yang agak ketara sejak setahun lepas. Ejen pengedar yang dilantik memaklumkan bahawa pengguna mengadu terdapat perubahan yang ketara dalam aroma kopi jenama Warisan berbanding setahun lalu.

Jelaskan sumber penjanaan idea tersebut. [3 markah]

4 (a) Jelaskan perkara berikut:

(i) Gaji [2 markah]

(ii) Upah [2 markah]

(b) Mengapakah sesebuah perniagaan mengambil perlindungan insurans untuk sumber fizikalnya? [3 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan tujuan mengurus sumber teknologi.

Syarikat Bestari Sdn Bhd telah membuat keputusan mengikat kontrak selama lima tahun dengan tiga orang pekerja yang telah diberi latihan intensif di Jepun.

Mengapakah Syarikat Bestari Sdn Bhd membuat keputusan tersebut? [3 markah]

- 5 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pembiayaan.

Encik Siva menjalankan perniagaan kurier yang menawarkan perkhidmatan penghantaran barang dan bungkusan di kawasan Lembah Klang. Setelah 2 tahun beroperasi, beliau memerlukan modal tambahan untuk meluaskan lagi kawasan penghantaran. Seorang rakan beliau, Encik Jamil mencadangkan beliau meminjam daripada bank berdekatan kerana urusannya lebih mudah. Pada masa yang sama, Encik Jamil juga berminat untuk mendapatkan maklumat kewangan perniagaan Encik Siva kerana sedang mempertimbangkan untuk menjadi pelabur.

- (i) Jelaskan prosedur untuk mendapatkan pembiayaan daripada pihak bank. [4 markah]
- (ii) Jelaskan pihak lain yang juga berminat untuk mengetahui maklumat prestasi kewangan perniagaan Encik Siva. [3 markah]
- (b) Jadual 1 menunjukkan maklumat kewangan Perniagaan Perabot Rotan Zahra.

Perkara	Jumlah (RM)
Jualan	72 000
Kos jualan	36 200
Untung kasar	35 800
Aset semasa	50 000
Liabiliti semasa	3 500

Jadual 1

Hitung peratus untung tokokan Perniagaan Perabot Rotan Zahra.

[3 markah]

- 6 (a) Gambar 2 menunjukkan sebuah perniagaan.



Gambar 2

Jelaskan prosedur pendaftaran perniagaan tersebut.

[5 markah]

- (b) Mengapakah invois yang dihantar kepada sesebuah perniagaan perlu difailkan secara sistematis? [5 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab dua soalan sahaja.

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Kedai Pakaian Khalid.

Jumlah jualan tahunan	RM10 juta
Bilangan pekerja tetap	30 orang
Pasaran jualan baju	Kuala Selangor
Promosi jualan	Diskaun harga dan cabutan bertuah

- (a) (i) Jelaskan klasifikasi perniagaan Kedai Pakaian Khalid. [3 markah]
- (ii) Huraikan skala perniagaan tersebut. [3 markah]
- (b) Adakah sesuai Encik Khalid memasarkan pakaian secara atas talian?
Beri alasan anda. [9 markah]

- 8 (a) Gambar 3 menunjukkan sejenis produk yang berada di pasaran.



Gambar 3

Jelaskan strategi campuran pemasaran bagi produk tersebut.

[7 markah]

- (b) Gambar berikut menunjukkan suatu platform atas talian untuk memasarkan barang.

LANGKAH MUDAH MENYERTAI LAZADA

HANYA 2 LANGKAH MUDAH UNTUK MENJADI "BOSS" SENDIRI!!

- 1 DAFTAR
- 2 UPLOAD PRODUK
- 3 LIVE ON LAZADA

SCAN THE QR CODE TO DOWNLOAD THE APP NOW

App Store Google Play

JADILAH JUTAWAN CIPTAAN SENDIRI

- (i) Jelaskan aplikasi teknologi maklumat tersebut. [3 markah]
- (ii) Mengapakah perniagaan tersebut memasarkan barang melalui kaedah ini? [5 markah]

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Encik Shamsul adalah pemilik D'Anggun Andaman Pengantin di Ampang, Selangor sejak lima tahun lalu. Perkhidmatan yang disediakan termasuklah perancang perkahwinan (*wedding planner*), hiasan pelamin, andaman pengantin dan katering. Encik Shamsul telah mengambil keputusan membawa masuk dua orang rakan kongsi lelap. Ini membolehkannya mengambil beberapa orang pekerja dalam bidang penghusus masing-masing dan secara tidak langsung mengurangkan beban tugasnya.

Encik Shamsul bercadang membeli sebuah lori satu tan untuk memudahkan mereka menyempurnakan permintaan pelanggan. Beliau bercadang menggunakan simpanan peribadinya sebanyak RM50 000 untuk membeli lori terpakai. Walau bagaimanapun, rakan kongsinya tidak bersetuju kerana berpendapat mereka boleh memiliki lori tersebut dengan membayar secara ansuran.

- (a) Anda berpendapat keputusan yang diambil oleh Encik Shamsul adalah tepat.
Kemukakan alasan anda. [5 markah]
- (b) Bagaimakah perkaitan antara sumber fizikal dan sumber teknologi D'Anggun Andaman Pengantin membolehkan perniagaan ini terus berkembang maju?
[5 markah]
- (c) Apakah sumber pembiayaan yang sesuai dipilih oleh D'Anggun Andaman Pengantin?
Berikan alasan anda. [5 markah]


Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

Cik Sara adalah seorang peniaga atas talian yang memberi perkhidmatan penghantaran makanan dengan nama “Jom Tapau”. Perniagaan “Jom Tapau” menyediakan perkhidmatan terus kepada pelanggan dan dijalankan sepenuhnya atas talian. Cik Sara telah menjalankan perniagaannya bermula dengan penghantaran menggunakan sebuah motosikal dan kini telah mempunyai seorang pekerja sepuh masa dan sepuluh orang pekerja separuh masa. Beliau gigih meluaskan lagi kawasan perkhidmatan dan kualiti perkhidmatan yang disediakan.

Pada peringkat permulaan, Cik Sara yang menguruskan bahagian jualan seorang diri tetapi peningkatan permintaan membuatkan beliau tidak dapat mengawal selia bahagian lain. Oleh itu, beliau telah mengambil anak saudaranya yang sedang menunggu keputusan SPM untuk menguruskan bahagian jualan.



Malangnya setelah tiga bulan, Cik Sara mendapati jualan semakin menurun. Dua orang pekerja bahagian penghantaran pula telah berhenti kerja dan berpindah tempat kerja baharu. Akibatnya perkhidmatan Jom Tapau juga terjejas dan menerima banyak aduan pelanggan. Cik Sara mengambil langkah segera dan membuat keputusan untuk mengikuti kursus perniagaan anjuran MARA untuk meningkatkan prestasi perniagaan.

Di samping itu, Jom Tapau juga memerlukan tambahan modal untuk membeli peralatan teknologi maklumat dan kenderaan penghantaran. Berikut adalah dua jenis pembiayaan yang dipertimbangkan oleh beliau:

Bank Butiran	ANBANK	BANK MASYARAKAT
Jenis pembiayaan	Sewa beli	Pinjaman
Pinjaman maksima	RM90 000	RM90 000
Tempoh bayaran balik	5 tahun	9 tahun
Kadar faedah setahun	3.75%	3.80%

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Terangkan **dua** ciri keperibadian Cik Sara sebagai usahawan. [4 markah]
- (b) Anda berpendapat kriteria pemilihan jawatan untuk bahagian jualan adalah tidak sesuai. Kemukakan alasan anda. [6 markah]
- (c) Mengapakah Cik Sara membuat keputusan mengikuti kursus tersebut? [4 markah]
- (d) Jika anda adalah Cik Sara, tentukan jenis pembiayaan yang dipilih dan berikan alasan anda. [6 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT